

Surat khabar: Utusan Borneo ( Tempatan )

Hari/Tarikh: 3/10/2013

Muka surat: 14

Tajuk : 40 Delegasi Berkumpul Bukan Deklarasi Teknologi Sains Dan Persekitaran Hari Ini.

## | 40 delegasi berkumpul bukukan deklarasi teknologi sains dan persekitaran hari ini |

**KUCHING:** Seramai 40 delegasi dari Eropah, New Zealand, Australia dan negara lain berkumpul untuk membukukan deklarasi teknologi sains dan persekitaran hari ini.

Justeru dua kumpulan telah dibentuk pada Perbincangan Kumpulan Deklarasi Kuching anjuran Persidangan Antarabangsa Kolaborasi Transnational Dalam Pendidikan (STEAM) bagi membincangkan perkara berkaitan dalam membantu membangunkan masyarakat sejagat menggunakan keperluan teknologi sains dan persekitaran.

"Para delegasi berkumpul untuk membincangkan idea yang kami ada semasa persidangan dan untuk delegasi membangunkan deklarasi yang akan dibuat selepas habis persidangan petang Khamis ini," kata Pengurus ICASE Elaine Horne ketika ditemui kelmarin.



**BANGUNKAN MASYARAKAT:**  
Elaine dari Australia.

Tambahnya, deklarasi itu setelah dibukukan akan diguna secara meluas oleh persatuan saintis, kesatuan guru dan sains, pakar sains dan arkeologi muzium, universiti dan sebagainya bagi tempoh tiga tahun.

"Kami mengetuai agensi

dalam dunia untuk menyediakan para pengajar yang berkualiti dalam bidang sains di seluruh dunia dan mempunyai peranan penting untuk pendidikan teknologi sains dan persekitaran.

"Kami ada melihat kemungkinan teknologi sains digunakan dalam bidang matematik dan kejuruteraan, bergantung kepada delegasi untuk menentukan keutamaan itu," ujarnya.

Delegasi ini juga akan mengadaptasi apa yang telah dipelajari daripada persidangan dan perbincangan berkumpulan ini di negara masing-masing mengikut keperluan.

Pada hari ini, pihaknya akan menyambung diskusi berkumpulan itu dan pada sebelah tengah hari delegasi akan dibawa melawat Pusat Hidupan Liar Semengoh dan Pusat Biodiversiti Perhutanan di sini.